

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 16 MAC 2016

KERATAN AKHBAR

Rabu 16 Mac 2016 • Sinar Harian 35

FENOMENA EL NINO

Air di semua empangan mencukupi

Pembenihan awan antara usaha dilakukan kerajaan negeri

■ AHMAD ISMADI ISMAIL & AZIHAN GHAZALI

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor yakin paras empangan di Selangor masih mencukupi untuk sumber air diagihkan kepada rakyat sepanjang musim panas.

Pengerusi Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani Zaidy Abdul Talib berkata, paras empangan di negeri ini di tahap baik dan masih terkawal.

Menurutnya, antara langkah yang sedang dijalankan oleh kerajaan negeri ialah menyediakan kolam-kolam alternatif di Lembangan Sungai Selangor yang mampu membekalkan sehingga 800 juta liter sehari (JLH) air mentah.

"Sebahagian dari kolam-

an kepada satu sumber air mentah, sekali gus memberi jaminan bekalan air berterusan kepada lebih tujuh juta pengguna air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Saya juga telah melakukan lawatan kerja di kolam tersebut, jumlah air di kolam itu sebagai sokongan kepada kolam semula jadi yang lain. Ia juga dijangka dapat menampung kekurangan air mentah akibat musim panas," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Zaidy berkata, pihaknya juga melakukan projek pembenihan awan antara langkah kerajaan negeri memastikan bekalan air mencukupi.

"Projek ini dilakukan di beberapa kawasan tadahan dan lembangan sungai bagi



Zaidy melawat kolam Horas di Bestari Jaya, baru-baru ini.

kata, Selangor masih mempunyai bekalan air yang cukup bahkan paras air empangan di tahap yang amat positif dan sehingga 15 Mac 2016, kapasiti takungan semua empangan di Selangor berada di dalam keadaan baik melebihi paras 70 peratus.

meliputi 60 peratus daripada jumlah pembekalan air di seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Berdasarkan rekod, penggunaan air per kapita bagi rakyat di Negeri Selangor adalah pada kadar yang tinggi iaitu se-

EMPANGAN	PARAS AIR (m)	TAKUNGAN (%)	HUJAN (mm)
BATU	100.15	83.36	1.00
KLANG GATES	93.09	80.98	0.00
LANGAT	215.71	70.16	16.80
SEMENYIH	108.52	85.32	0.00
SUNGAI Selangor	215.50	86.51	0.00
SG TINGGI	57.65	88.21	0.00
TASIK SUBANG	38.32	97.51	0.00

SUMBER: <http://surimc.las.com.my/>